

Headline **30 ekor ular mati akibat jangkitan kuman**
 Date **14. Aug 2008** Language **MALAY**
 Media Title **Utusan Malaysia** Page No **16**
 Section **Dlm Negeri** Article Size **0** cm2
 Circulation **238082** Frequency **Daily**
 Readership **833287** Color **Full Color**
 AdValue



30 ekor ular mati akibat jangkitan kuman



IBU Anaconda yang melahirkan 13 ekor anak di Taman Ular Sawa adalah antara yang mati berpunca daripada jangkitan kuman di Ulu Bendul, baru-baru ini.

SEREMBAN 13 Ogos – Kematian 30 ekor ular pelbagai spesies di Taman Ular Sawa Negeri Sembilan dekat Ulu Bendol, Kuala Pilah, dikenal pasti berpunca daripada jangkitan kuman.

Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Norzam Mohd. Nor berkata, laluan air ke dalam sangkar serta diet yang tidak sesuai turut menyebabkan reptilia berkenaan tidak mahu makan sehingga menjejaskan kesihatannya.

“Bedah siasat ke atas ular-ular tersebut yang dilakukan bersama pakar daripada Universiti Putra Malaysia mendapati wujud virus yang merebak di kawasan peliharaan ular sehingga menyebabkan kematiannya,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau mengulas laporan akhbar semalam dan hari ini yang memetik Pengerusi DAP negeri, Loke Siew Fook mendakwa 70 ekor spesies ular sawa yang telah dibeli, mati di taman berkenaan akibat kecuai penjagaan sehingga mengakibatkan kerugian besar.

Norzam menyangkal dakwaan itu dan menjelaskan pengurusan taman sebenarnya membeli 58 ekor ular pelbagai spesies dari dalam dan luar negara.

“Daripada jumlah itu hanya 30 ekor yang mati akibat pelbagai punca dalam tempoh dua bulan lalu,” jelasnya.

Justeru, Norzam berkata, taman ular itu akan ditutup selama dua bulan kepada orang ramai bagi melakukan kerja pemuliharaan dan memastikan kawasan habitat ular

itu benar-benar selamat dan terjamin.

“Sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan sebelum ini dan kini ditambah satu lagi keanggotaan melibatkan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), selain pakar daripada UPM untuk mengkaji kesesuaian reptilia itu terhadap habitat barunya,” katanya.

Pada peringkat awal kemasukan ular itu di taman berkenaan, menurutnya, pandangan pakar tidak diambil kira untuk mengenal pasti kesesuaian kawasan habitat spesies itu.

“Kini, baki 28 ekor ular termasuk beberapa ekor anak Anaconda yang lahir baru-baru ini sedang di kuarantin dan dilakukan pemeriksaan kesihatan, diet pemakanan sehingga ia benar-benar serasi dengan keadaan dalam sangkar,” katanya.

Ditanya jumlah kerugian akibat kematian 30 ekor ular pelbagai spesies itu, pihaknya masih meneliti dan menyiasat mengenai perkara tersebut.

Mengenai pemulihan taman ular itu, Norzam memberitahu, pada masa hadapan, ia akan dihuni oleh reptilia daripada spesies yang benar-benar tahan dengan keadaan cuaca, pemakanan dan suasana habitat hutan di negara ini.

“Ular yang dibawa masuk selepas ini akan menjalani pemeriksaan sebelum dikuarantin dalam tempoh tertentu dan akan hanya dilepaskan ke dalam sangkar selepas ia benar-benar serasi,” katanya.

Sebelum ini, kira-kira 58 ekor daripada 30 spesies ular sawa di seluruh dunia dibawa dan dipelihara di taman yang dibuka sejak Februari lalu dengan belanja hampir RM1 juta bagi menarik ribuan pengunjung.

Antara spesies yang menarik perhatian pengunjung ialah enam Red-Tailed Boa yang dibawa khas dari Brazil serta seekor spesies Burmese Python dari Myanmar.

Selain itu, terdapat juga spesies Blood Python, Borneo Short Tailed Python, Amazon Tree Boa, Colombia Boa, Brazilian Rainbow Boa, Albino Burmese Python, Indian Python dan Bolivian Anaconda turut dipamerkan.

Seekor ular sawa Green Anaconda yang diterima pada 15 Mei lalu, telah melahirkan 13 anak dengan sebahagiannya masih hidup.